



PEMBENTANGAN PROFIL KOLEJ KERJASAMA KOMPAS INTERNATIONAL COLLEGE

Sesi pembentangan profil bagi Kompas International College telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Lembaga Residensi UTM KL pada 31 Mac 2022. Pembentangan dari pihak kolej untuk tujuan mengadakan program kerjasama akademik bersama SPACE UTM. Sesi pembentangan telah disertai oleh Pengerusi SPACE UTM, Timbalan Pengerusi (Akademik) dan Timbalan Pengerusi (Pembangunan) SPACE UTM, Pengurus Besar Pusat Program Kerjasama (PPK), Pengurus Besar Pusat Pengajian Ijazah (PPI) dan Ketua Jabatan Program Asasi PPI.

Manakala perwakilan dari Kompas International College diwakili oleh Ketua Eksekutif, Pendaftar, Pengurus Jabatan Pembangunan Akademik dan Penolong Pengurus Jabatan Jaminan Kualiti, KIC. Sesi diadakan untuk memberi ruang kepada pihak kolej bagi membentangkan profil kolej kepada pihak SPACE UTM untuk membuat penilaian sebelum lawatan audit validasi dijalankan.



LAWATAN AUDIT VALIDASI DAN KUALITI AKADEMIK BAGI QAIWAN INTERNATIONAL UNIVERSITY, KURDISTAN, IRAQ

Serombongan delegasi dari UTM telah dihantar ke Qaiwan International University, Kurdistan Iraq khusus bagi menjalankan audit validasi dan kualiti akademik di sana. Sesi audit validasi dan kualiti akademik tersebut berlangsung dari 10-17 Januari 2022. Sesi disambung semula setelah empat semester ditangguhkan disebabkan pandemik yang melanda seluruh dunia.

Pusat Program Kerjasama Antarabangsa (PPKA) SPACE UTM amat cekap dalam gerak kerja dimana mereka telah bertindak lebih awal bagi mengatur segala proses persiapan lawatan sebaik sahaja kelonggaran untuk ke luar negara dibenarkan oleh kerajaan Malaysia. Dengan kerjasama Fakulti di UTM, proses audit validasi dan kualiti akademik diteruskan bagi memastikan Qaiwan International University kekal mematuhi syarat dan mengikut standard kualiti akademik yang telah ditetapkan.

Lawatan audit kualiti bagi Program Kerjasama Antarabangsa dijalankan setiap semester sehingga lengkap satu kohort bagi mana-mana Institusi Rakan Kerjasama. Lawatan kali ini dijalankan serentak dengan audit validasi bagi memastikan program yang dijalankan di QIU mendapat akreditasi oleh UTM

Lawatan ini telah disertai oleh Pengurusan UTM dan SPACE UTM yang terdiri daripada;

- i. Timbalan Dekan (Pendidikan Berterusan dan Pendidikan Transnasional), Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim;
- ii. Naib Pengerusi (Pendidikan Berterusan dan Pendidikan Transnasional), Sekolah Komputeran;
- iii. Penyelaras Program (Pendidikan Transnasional), Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan; dan
- iv. Pengurus Besar, Pusat Program Kerjasama, SPACE UTM.

Delegasi dari SPACE UTM dan UTM telah dibawa melawat ke keseluruhan kampus Qaiwan International University yang baharu. Beberapa perkara yang berkaitan telah dibincang oleh kedua-dua pihak bagi memastikan program ini akan terus berjalan dengan lancar dan mengikut standard kualiti akademik yang ditetapkan.

Penyerahan Sijil Validasi dari pihak UTM ke QIU dan penyerahan Sijil Anugerah Dekan telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang yang mendapat keputusan CGPA 3.67 ke atas.





MESYUARAT POST-MORTEM LAWATAN VALIDASI DAN KUALITI QAIWAN INTERNATIONAL UNIVERSITY, KURDISTAN, IRAQ SERTA PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI PROGRAM KERJASAMA (ANTARABANGSA)

Mesyuarat Post-Mortem Lawatan Audit Validasi dan Kualiti Akademik serta Pelaksanaan Latihan Industri Program Kerjasama (Antarabangsa) telah dijalankan pada 15 Mac 2022 di Bilik Mesyuarat Utama, UTMSPACE.

Mesyuarat ini dihadiri oleh semua ahli panel yang terdiri daripada Penyelaras Program Transnasional daripada setiap sekolah dan juga staf Pusat Program Kerjasama (PPK) UTMSPACE yang mengikuti Lawatan Audit Validasi dan Kualiti Akademik ke Qaiwan International University (QIU) pada 10-17 Januari 2022 yang lalu.

Hasil laporan dari mesyuarat ini adalah terdapat penambahbaikan bagi program-program di bawah Program Kerjasama Antarabangsa dan ia menepati piawaian setiap fakulti yang terlibat. Ahli mesyuarat juga telah memberikan pendapat dan pandangan berkenaan proses pelaksanaan Latihan Industri di QIU. Perbincangan berkenaan pelaksanaan Latihan Industri akan dibengkelkan bagi menghasilkan kedapatan yang lebih baik sebelum penawaran kursus Latihan Industri di buat kepada pelajar-pelajar QIU.



BENGKEL PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PROGRAM KERJASAMA (ANTARABANGSA) UTM

Bengkel Pelaksanaan Latihan Industri Program Kerjasama (Antarabangsa) telah berlangsung pada 28 Mac 2022 di Bilik Mesyuarat Utama UTMSPACE. Bengkel ini dihadiri oleh Pengerusi SPACE UTM, Timbalan Pengerusi (Akademik) SPACE UTM, staf Pusat Program Kerjasama (PPK) Johor Bahru dan juga wakil dari Sekolah Komputeran (SK), Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan (SKBSK), Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi (SHARPS) dan Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS).

Bengkel dimulakan dengan ucapan aluan daripada Yang Berusaha Pengerusi SPACE, dimana beliau amat berterima kasih atas kerjasama dan usaha yang diberikan kepada Pusat Program Kerjasama (Antarabangsa) SPACE UTM dalam menghasilkan input yang baik bagi pelaksanaan Latihan Industri yang buat pertama kali dilaksanakan bagi pelajar-pelajar Program Kerjasama (Antarabangsa) Qaiwan International University (QIU). Ia dijadualkan akan berlangsung pada bulan Oktober 2022.

Antara input yang dibentangkan adalah Garis Panduan Latihan Industri bagi Program Kerjasama (Antarabangsa) selain daripada garis masa (timeline) latihan industri yang diperlukan oleh seseorang pelajar lalui. Agenda yang dibentangkan pada bengkel tersebut, telah teliti diperhalusi bagi memastikan aspek-aspek penting yang ditetapkan oleh fakulti dipenuhi. Selain daripada itu penekanan terhadap tatacara dan pendokumentasian yang akan digunakan oleh pelajar ketika latihan industri dijalankan juga dibentangkan dalam bengkel tersebut.



PROGRAM LAWATAN KE KOLEJ VOKASIONAL, POLITEKNIK DAN JABATAN KERAJAAN

Staf dari Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Pelajar UTMSPACE telah mengadakan lawatan ke kolej-kolej vokasional, politeknik dan pejabat-pejabat Jabatan Kerajaan Negeri Perak, Pulau Pinang, Pahang dan Sabah.

Program lawatan yang bermula dari 10-21 Januari 2022 ini adalah bertujuan untuk memberi hebahan tentang program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM kepada pelajar-pelajar di kolej-kolej vokasional dan politeknik.

Para petugas berpeluang untuk melawat ke pejabat-pejabat kerajaan negeri bagi memberi penerangan tentang program dan produk yang ditawarkan di bawah UTMSPACE dan SPACE UTM yang boleh disertai oleh kakitangan-kakitangan di jabatan kerajaan yang berkaitan.

Lawatan ini merupakan platform untuk mendapatkan maklumat berkaitan isu semasa bagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan memenuhi keperluan dalam permintaan kursus-kursus yang bersesuaian dengan bidang diceburi. Cadangan-cadangan yang diperolehi akan diproses oleh pihak UTMSPACE bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan jumlah pemohon untuk menyertai program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM dan program-program yang lain.



JADUAL PROGRAM LAWATAN YANG TELAH DIJALANKAN.

Negeri	Tarikh/Hari	Masa	Tempat	No. Tel	Pegawai
Perak	10-01-2022 (Isnin)	9.00 Pagi	Kolej Vokasional Lebu Cator, Perak	05-254 9151	Cikgu Azwani (014-8477881)
		11.00 Pagi	Kolej Vokasional Ipoh, Perak	05-547 7405	Cikgu Raden Asmawati (018-5715161)
		2.00 Petang	Kolej Vokasional Seri Iskandar, Perak	05-371 1370	Cikgu Rohana (012-5411149)
		4.00 Petang	Politeknik Ungku Omar, Perak	05-545 7656	Encik Amir (018-5704176)
	11-01-2022 (Selasa)	9.00 Pagi	Kolej Vokasional Kuala Kangsar, Perak	05-758 4099	Cikgu Nor Mazuin (019-5789854)
		11.00 Pagi	Kolej Vokasional Taiping, Perak	05-883 9371	Cikgu Fatin (011-35066396/ 016-7875417)
		2.00 Petang	Kolej Vokasional Kerian, Perak	05-721 7084	Ustaz Zaini (017-5118614)
Pulau Pinang	12-01-2022 (Rabu)	9.00 Pagi	Kolej Vokasional Batu Lanchang, Pulau Pinang	04-828 4389	Cikgu Dalila (016-5034397)
		11.00 Pagi	Kolej Vokasional Balik Pulau, Pulau Pinang	04-866 6229	Cikgu Fatin Nabila (013-2427660)
		2.00 Petang	Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang	04-868 9000	Encik Shahariman (017-9444438)
	13-01-2022 (Khamis)	9.00 Pagi	Kolej Vokasional Butterworth, Pulau Pinang	04-351 4495	Cikgu Sharif (019-4146311)
		11.00 Pagi	Kolej Vokasional Seberang Perai, Pulau Pinang	04-502 2079	Cikgu Muhd Mansor (013-5307510)
		2.00 Petang	Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang	04-538 3322	Puan Yusliza (019-2721471)
	14-01-2022 (Jumaat)	10.00 Pagi	Kolej Vokasional Nibong Tebal, Pulau Pinang	04-593 2904	Cikgu Noraini (013-2865338)
Pahang	19-01-2022 (Rabu)	9.00 Pagi	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	09-565 5300	Puan Sarina/Khairiah (09-565 474/475)
		11.00 Pagi	Politeknik METRo Kuantan	09-565 9000	Puan Suraini (010-5571193)
		2.00 Petang	Kolej Vokasional Kuantan	09-566 1705	Cikgu Ralhaya (019-9234878)
	Sabah	11.00 Pagi	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	088-521800	Puan Florence (019-8708606)
		2.30 Petang	Jabatan Kerja Raya Sabah	088-244 333	Puan Zulaikha (016-8418499)
Pahang	20-01-2022 (Khamis)	9.00 Pagi	Majlis Bandaraya Kuantan	09-515 5555	Puan Khairiah (012-9540005)
		11.00 Pagi	Jabatan Kerja Raya Pahang	09-571 7000	Encik Firdaus (Bahagian Pentadbiran) (019-9331013)
	Sabah	9.00 Pagi	Kolej Vokasional Likas	088-423 742	Cikgu Nani (014-8684479)
		11.00 Pagi	Politeknik Kota Kinabalu	088-401 800	Puan Anna Anye (013-2022413)
Pahang	21-01-2022 (Jumaat)	9.00 Pagi	Politeknik Muadzam Shah	09-450 2005	Encik Ahmad Fakhri Zaki (016-2114282)/ Encik Syahmi HEP (011-33043835)
		11.00 Pagi	Kolej Vokasional Muadzam Shah	09-452 2788	Cikgu Hisham (019-9906084)
		3.00 Petang	Kolej Vokasional Sultan Ahmad Shah	09-414 6622	Cikgu Siti Salwani (013-7288002)



UTMSPACE WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI SIRI 1/2022 : KONSEP KEJURUTERAAN DALAM PERANCANGAN PEWARISAN

UTMSPACE Wacana Ilmu bersama Alumni Siri 1/2022 telah menjemput Encik Zulhazmi bin Elias yang merupakan Alumni UTM bagi Program Pengajian Separuh Masa (Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik tahun 2007) dengan topik Konsep Kejuruteraan Dalam Perancangan Pewarisan.

Beliau yang memegang jawatan sebagai Ketua Perunding di My Pusaka Sdn. Bhd telah memberi info yang bermanfaat tentang perlunya membuat wasiat kepada pewaris, mengurus harta pusaka yang diwarisi, langkah-langkah dalam urus tadbir harta, dokumentasi yang berkaitan dan banyak lagi.

Sesi yang berlangsung pada 25 Januari 2022 ini telah memperkenalkan konsep baharu dimana pengisian intipati wacana adalah berlatar belakangkan perkongsian industri. Lebih 80 orang telah menyertai sesi kali yang berlangsung secara dalam talian melalui FB Live dan Webex Live UTMSPACE.

The screenshot shows a Webex Live meeting interface. At the top, there are browser tabs for 'arch results - rashid@utmspace', 'WhatsApp', and 'Meeting is in progress...'. Below the tabs, there are three video thumbnails: 'rashid' (Host, me), 'ZULHAZMI', and 'Zulhazmi Elias'. The main content area displays a presentation slide titled 'BUKAN MENGAJAR, TAPI BERKONGSI...' and 'MOGA BERMANFAAT #JURUTERAPUSAKA'. The slide also features the UTMSPACE logo and a portrait of Encik Zulhazmi bin Elias. The slide text includes: 'UTMSPACE Wacana Ilmu Bersama Alumni Siri 1/2022 KONSEP KEJURUTERAAN DALAM PERANCANGAN PEWARISAN', 'Encik Zulhazmi bin Elias, Ketua Perunding di MyPusaka Alumni Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik 2007) UTM', 'Tarikh: 25 Januari 2022 | Masa: 1:00 Petang', 'Sesi langsung melalui Webex dan FB Live UTMSPACE', 'Link: <https://www.webex.com/join/joinWebEx.php?MTID=mm7f6acaa6301cf17afe11>', 'Meeting number: 2018 734 0293', 'Password: 2018petang', 'Follow UTMSPACE: <https://www.facebook.com/utmspaceofficial/> utmspace.edu.my'. At the bottom of the interface, there are controls for 'Unmute', 'Start video', 'Share', 'Record', and a red 'X' button.


MAJLIS ALUAN PELAJAR BAHARU PROGRAM SARJANA MUDA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM SEMESTER II SESI 2021/2022

Majlis Aluan Pelajar Baharu Program Sarjana Muda, Pengajian Separuh Masa UTM Semester II Sesi 2021/2022 telah berlangsung pada 6 Mac 2022 secara dalam talian menggunakan aplikasi Webex dan Blackboard. Majlis diserikan dengan kehadiran Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman. Beliau telah menyampaikan ucapan aluan kepada 380 orang pelajar baharu Program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM.

Memetik dari ucapan Yang Berusaha Prof Dr. Azlan, beliau telah menitipkan beberapa pesanan yang penting kepada pelajar dan antaranya adalah untuk mereka terus fokus bagi setiap misi yang dilaksanakan. Beliau juga mengingatkan bahawa tiada jalan mudah untuk berjaya selain daripada bekerja keras dan bertindak dengan bijak dalam setiap gerak kerja. Beliau juga menyuruh pelajar untuk bersyukur dan berterima kasih kepada kedua-dua ibu bapa serta guru-guru yang pernah mendidik mereka sehingga mereka berada di tahap yang tertinggi. Sebelum mengakhiri ucapan, beliau juga mengingatkan untuk pelajar menjaga diri sebaiknya dan menjalin silaturahim antara rakan sekuliah yang baharu agar mudah untuk mendapat pertolongan sekiranya di dalam kesulitan.

Turut hadir di dalam majlis ini adalah Pengerusi SPACE UTM, Prof. Ts. Dr. Nazri bin Ali. Beliau mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan aluan kepada pelajar baharu. Pelbagai taklimat penting telah diadakan sepanjang majlis dan antaranya adalah taklimat peraturan akademik, taklimat kewangan, taklimat MUET, taklimat PTPTN dan perlindungan insurans pelajar serta taklimat pembelajaran dalam talian.

UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM Sesi 2021/2022.



Minggu Mesra Mahasiswa Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Sepenuh Masa Semester II Sesi 2021/2022

Sesi pendaftaran pelajar baharu dan Minggu Mesra Mahasiswa bagi Program Sarjana Muda Pengajian Sepenuh Masa UTM telah berlangsung pada 14-16 Mac 2022. Seramai 40 orang pelajar baharu di bawah program UTM-IDP, BBA dan BGS yang berdaftar telah mengikuti Minggu Mesra Mahasiswa secara dalam talian.

Sesi taklimat pelajar baharu telah berlangsung dan dimulai dengan taklimat "Go To Faculty" yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi, SPACE UTM. Pada hari kedua pula, program diteruskan dengan sesi bersama pihak pengurusan UTMSPACE. Antara pengisian majlis pada hari kedua adalah ucapan aluan daripada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Prof. Dr. Azlan bin Ab Rahman, Pengerusi SPACE UTM, Prof. Ts. Dr. Nazri bin Ali dan juga Pengurus Besar Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi.

Selain daripada itu beberapa taklimat penting turut disampaikan dan antaranya adalah taklimat kewangan, taklimat PTPTN dan perlindungan insuran pelajar, taklimat pembelajaran dalam talian dan diakhiri dengan taklimat program. Pada hari terakhir Program Minggu Mesra Mahasiswa, beberapa perwakilan daripada UTM telah menyampaikan taklimat berkaitan perkara-perkara penting yang serta perkhidmatan sokongan yang disediakan oleh pihak universiti kepada pelajar.

Sesi taklimat kepada pelajar tempatan daripada perwakilan Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTM dan Pejabat UTM-International untuk pelajar antarabangsa telah mengakhiri acara ini. UTMSPACE mengucapkan Selamat Datang kepada semua pelajar baharu Program Sarjana Muda Pengajian Sepenuh Masa UTM bagi Semester II Sesi 2021/2022.

UTMSPACE Wacana Ilmu Bersama Alumni Siri 2/2022 : Realiti Teknologi Terkini.

UTMSPACE Wacana Ilmu Bersama Alumni Siri 2/2022 kali ini menengahkan topic Realiti Teknologi Terkini yang disampaikan oleh Encik Zulkefle bin Idris yang merupakan Alumni UTM Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) tahun 2012. Beliau yang bertugas sebagai Ketua Operasi di Teras Teknologi Sdn. Bhd. Program telah memberi input dan pendedahan tentang Realiti Teknologi yang menggabungkan alam maya dan reality.

Beliau juga memberi maklumat tentang skop kerjaya di dalam bidang yang berkaitan serta pengalaman ketika menjadi pelajar SPACE UTM. Sesi tersebut telah berlangsung pada 15 Februari 2022 secara dalam talian melalui FB Live UTMSPACE dan Webex Live.

UTMSPACE ESTD 1993
(931427-K)

UTMSPACE Wacana Ilmu Bersama Alumni Siri 2/2022

REALITI TEKNOLOGI TERKINI

Encik Zulkefle bin Idris
Ketua Operasi, Teras Teknologi Sdn. Bhd.
Diploma Sains Komputer (Multimedia) (2006) UTM
Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) (2012) UTM
Tarikh : 15hb Februari 2022 | Masa : 3.00 - 4.00 petang
Secara Langsung menerusi
Webex dan **LIVE** UTMSPACE

 <https://bit.ly/3soOxNJ>
Meeting number: 2517 627 9512
Password: vsYC9Ncpf35

FbLive UTMSPACE :
<https://www.facebook.com/utmspaceofficial/>
utmspace.edu.my

UTMSPACE ESTD 1993
(931427-K)

UTMSPACE WACANA ILMU BERSAMA ALUMNI SIRI 3/2022 : ADA APA DENGAN INDUSTRI UKUR

Wacana Ilmu bersama Alumni telah menjemput Sr Azhar bin Husain yang merupakan Alumni Program Pengajian Separuh Masa UTM Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik) tahun 2012. Beliau berkongsi ilmu yang bertajuk “Ada Apa Dengan Industri Ukur” pada 15 Mac 2022 secara dalam talian melalui FB Live UTMSPACE dan Webex Live.

Beliau kini bertugas sebagai Pengarah Urusan di Azhar Ukur Sdn. Bhd. Beliau juga bergiat aktif di dalam lapangan NGO dan antara ahli di dalam Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA) sebagai Setiausaha Agung.



UTMSPACE ESTD 1993™
(931427-K)

UTMSPACE Wacana Ilmu Bersama Alumni Siri 3/2022

ADA APA DENGAN INDUSTRI UKUR

Tarikh : 15hb Mac 2022
Masa : 3.00 - 4.00 petang
Secara Langsung menerusi
Webex dan **f LIVE UTMSPACE**

 <https://bit.ly/3v41yil>
No. Mesyuarat :
2518 081 8452

Sr. Azhar bin Husain
Sarjana Muda Kejuruteraan
(Geomatik) (2012) UTM
Pengarah Urusan, Azhar Ukur Sdn. Bhd.

FbLive UTMSPACE :
www.facebook.com/utmspaceofficial/
utmspace.edu.my



ANYONE • ANYTHING • ANYWHERE • ANYTIME
utmspace.edu.my